KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	19/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPNK / PERHILITAN			

Penerokaan hutan punca hidupan liar keluar dari habitat

Perkampungan di pinggir hutan terdedah konflik manusia, harimau

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penerokaan hutan untuk pembalakan dan perladangan boleh menyebabkan hidupan liar seperti harimau keluar dari habitat, seterusnya mengancam keselamatan penduduk.

Pensyarah Kanan di Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Zulkhairi Azizi Zainal Abidin, berkata secara umumnya radius atau jarak bagi hidupan liar bergerak adalah 100 sehingga 300 kilometer persegi.

Bagaimanapun, katanya, persoalan mengenai radius pergerakan harimau juga perlu dinilai bersama dengan kualiti habitat dan status kesihatan haiwan berkenaan.

"Habitat yang kekurangan makanan boleh memaksa harimau keluar dari kawasan. Harimau yang sakit juga boleh memilih alternatif makanan mudah berbanding perilaku memburunya yang biasa.

"Dalam konteks semasa, kawasan perkampungan di pinggir hutan sememangnya terdedah dengan konflik manusia dan harimau.

"Ternakan penduduk dilihat sebagai alternatif sumber makanan ditambah dengan kemerosotan habitat. Bagi harimau yang sakit dan tidak mampu memburu, akan meningkatkan risiko interaksi manusia dengan harimau," katanya kepada *BH*.


SK Balar pula diancam harimau

Keratan akhbar BH Rabu lalu

Kerajaan negeri Kelantan sebelum ini menafikan aktiviti pembalakan menjadi faktor harimau belang masuk ke perkampungan Orang Asli di Gua Musang.

Dalam kejadian pada jam 9.10 pagi 7 Januari lalu, lelaki Orang Asli maut dibaham harimau dalam kejadian di Kampung Sau dekat Pos Bihai.

Mengulas lanjut, Zulkhairi berkata, pengamatan secara am menunjukkan konflik manusia dan haiwan liar pada semua peringkat banyak dipengaruhi konflik manusia kepada manusia.

"Konflik manusia wujud dengan hidupan liar dan sering kali ia diwakili oleh persoalan cara siapa lebih baik atau ideologi politik mana disokong.

"Permasalahan ini memerlukan penyelesaian secara menyeluruh. Antara cadangan penyelesaian yang dikemukakan adalah membangunkan kapasiti semua pemegang taruh dalam proses membuat keputusan.

"Semua pihak terbabit dalam pengurusan hidupan liar harus diberi peluang mengetengahkan permasalahan dan cadangan penyelesaian dengan menepati prinsip keputusan untuk setiap cadangan mengambil kira kepentingan semua pihak.

"Pihak berkuasa juga perlu mempunyai kemahiran mengenal pasti apakah nilai berkaitan hidupan liar dan alam sekitar yang dipegang masyarakat setempat, selain cara penyelesaian pegangan nilai masyarakat dapat diselarikan dengan visi jabatan," katanya.

Beliau berkata, peranan pihak berkecuali adalah sangat penting dalam proses membuat keputusan baik pada peringkat tempatan, nasional dan global.

"Semua pemegang taruh hendaklah jelas bahawa keputusan untuk mencapai sesuatu persetujuan terbaik, selain hubungan kerjasama dan komunikasi dua hala yang baik," katanya.

> "Habitat yang kekurangan makanan boleh memaksa harimau keluar dari kawasan"
>
> ***Zulkhairi Azizi Zainal Abidin,***
> *Pensyarah Kanan di Jabatan Rekreasi dan Ekopelancongan, UPM*

